

ANALISIS KINERJA KEPERLUAN LATIHAN INDUSTRI  
DALAM PROGRAM LATIHAN PENSIYARAH SENTERAM  
MEREK KUALITI KURSUS KAJANGAN GRADUAN SARJANA  
MATEMATIKA (KAWAN) DI KOLEJ UNIVERSITI  
TEKNOLOGI PETROLSELAJAYA, BANGI, SELATAN

ABSTRAK

ABSTRAK



7010

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

**BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES**

JUDUL : **TINJAUAN MENGENAI KEPERLUAN LATIHAN INDUSTRI DALAM LATIHAN PENSYARAH POLITEKNIK : SATU KAJIAN KES DI KALANGAN GRADUAN SARJANA PENDIDIKAN (TEKNIKAL) DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN, BATU PAHAT**

SESSI PENGAJIAN : **2001 / 2002**

SAYA : **KARTINI KAMARUZAMAN**  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Kajian Kes ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Kajian Kes ini adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian ini sebagai bahan pertukaran antara institut pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan (x)


SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
(TANDATANGAN PENULIS)



  
(DATANGAN PENYELIA)

Alamat :  
Km. 16, Jln. Kuala Krai,  
16450 Keterah, Kota Bharu,  
Kelantan.

En. Mohd Noor Hashim  
(Nama Penyelia)


Tarikh : 19 September, 2001

Tarikh : 19 September, 2001

**PENGESAHAN PENYELIA**

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.

Tandatangan



Nama Penyelia

: En Mohd Noor bin Hashim

Tarikh

: 19 September 2001

**TINJAUAN MENGENAI KEPERLUAN LATIHAN INDUSTRI DALAM  
PROGRAM LATIHAN PENSYARAH POLITEKNIK : SATU KAJIAN KES  
DI KALANGAN GRADUAN SARJANA PENDIDIKAN (TEKNIKAL) DI  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN, BATU PAHAT**

**KARTINI BINTI KAMARULZAMAN**


Kajian Kes Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi  
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**SEPTEMBER 2001**

**PENAKUAN PENYELIDIK**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :  .....

Nama Penulis : Kartini Binti Kamarulzaman

Tarikh : 19 September 2001

**DEDIKASI**

Teristimewa Buat :

AYAHANDA, En. Kamarulzaman Bin Hj. Badaruddin

Dan

BONDA, Puan Kelsom Binti Hj. Zakaria

Doa, harapan dan pengorbanan kalian hanya Allah s.w.t dapat membalasnya.

Serta Buat :

Abang dan Adik-Adik Tercinta.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dapatlah saya menyiapkan kajian kes ini dalam masa yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia kajian kes iaitu En. Mohd Noor bin Hashim di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian kes ini berlangsung.

Juga ucapan terima kasih dirakamkan kepada penilai kajian kes ini iaitu Puan Haliza Awang, di atas nasihat dan pandangan yang telah diberikan.

Terima kasih juga kepada responden iaitu para pelajar semester tiga sesi 2000/2001, Sarjana Pendidikan (Teknikal) Kolej Universiti teknologi Tun Hussein Onn di atas kerjasama dan keikhlasan dalam menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan di dalam borang soal selidik.

Terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat ayahanda dan bonda tercinta di atas sokongan padu yang telah diberikan. Juga kepada rakan-rakan seperjuangan, yang telah banyak membantu secara langsung atau tidak langsung.

Sekian, Terima Kasih.



## ABSTRAK

Kajian ini berjudul “Tinjauan mengenai keperluan latihan industri dalam program latihan pensyarah politeknik : Satu kajian kes di kalangan graduan Sarjana Pendidikan (Teknikal) di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn”. Program ini merupakan salah satu program persediaan kerjaya dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional yang terdapat di negara ini. Pada masa kini program ini tidak mengandungi komponen penempatan latihan industri sebagai salah satu skop pengajiannya. Oleh yang demikian, adalah menjadi hasrat kajian ini untuk mengenalpasti samada komponen pendedahan pra-kerjaya dalam bentuk latihan industri diperlukan dalam program persediaan kerjaya seperti program Sarjana Pendidikan ini. Seramai 86 responden terdiri daripada kelompok pelajar Semester Akhir Sarjana Pendidikan (Teknikal) dipilih sebagai mewakili keseluruhan populasi pelajar program ini. Kelompok ini dipilih kerana mereka telah mengikuti hampir keseluruhan komponen program termasuk telah menjalani sesi praktikum di politeknik selama 12 minggu. Maklumbalas diperolehi melalui soal selidik, temubual dan pemerhatian pengkaji sendiri dan disokong melalui kajian perpustakaan. Maklumbalas seterusnya dianalisa secara statistik menggunakan nilai min, sisihan piawai dan *ANOVA* sehala dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat pendapat yang kukuh di kalangan responden terhadap kemungkinan memasukkan komponen latihan industri dalam program persediaan kerjaya. Keseluruhannya responden percaya bahawa memasukkan komponen ini dalam program persediaan kerjaya, akan dapat meningkatkan tahap kesediaan bakal-bakal graduan terhadap kerjaya yang bakal diceburi, khususnya dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional di Negara ini.

## ABSTRACT

This study entitled “An overview on the needs of the industrial training sessions in the polytechnics lecturers training program: A case study among the graduates of the Masters in Education (Technical) of Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.” The Masters in Education (Technical) at Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) is one of the pre-service career development program in technical and vocational education in the country. However, the industrial training component was not included in this program. This study intended to find out what are the perceptions of the graduate students of this program on the possibility of incorporating the industrial workplace training exposure into the Masters in Education (Technical) program in KUiTTHO. The entire population of 86 graduate students in the final semester of the program participated as respondents of this sample. These students had completed their 12 weeks teaching practicum session in the polytechnics and were about to complete their course of studies. Feedbacks collected through questionnaires, interviews and personal observations were supported with library research. The value of min, standard deviation and one way anova were calculated statistically using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software. The finding of this study showed that were strong support for the idea of bringing in the practical industrial training component into the polytechnics lecturers training program in KUiTTHO. All of the respondents believed that the industrial training workplace exposure will enhanced the quality of the graduates in pursuing their teaching career in the polytechnics, especially in the technical and vocational sector in the country.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN PENYELIDIK</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	x
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Persoalan Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Hipotesis	7
	1.6 Rasional Kajian	9
	1.7 Skop Kajian	10
	1.8 Andaian Kajian	11
	1.9 Definisi Tajuk Kajian	11
	1.10 Limitasi Kajian	13
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	
	2.0 Pendahuluan	14
	2.1 Tujuan Latihan Industri	15
	2.2 Objektif Latihan Industri	16
	2.3 Sumbangan Dan Faedah-Faedah Latihan Industri	17

2.4	Latihan Pendidikan Perguruan Dan Latihan Pensyarah	
2.4.1	Tujuan Latihan Pensyarah	18
2.4.2	Objektif Latihan Mengajar	19
2.5	Kualiti Program Sarjana Pendidikan KUiTTTHO	19
2.5.1	Sosiologi	20
2.6	Latihan Industri Dan Latihan Mengajar	21

### **BAB III KAEDAH KAJIAN**

3.0	Pendahuluan	24
3.1	Rekabentuk Kajian	25
3.2	Persampelan	25
3.3	Instrumen Kajian	26
3.4	Analisis Data	27
3.5	Kajian Rintis	29

### **BAB IV ANALISIS DATA**

4.0	Pengenalan	30
4.1	Analisis Bahagian A	31
4.1.1	Jantina	31
4.1.2	Bidang Akademik	32
4.1.3	Pengalaman Latihan Industri	34
4.2	Analisis Bahagian B	35
4.2.1	Analisa Data Keperluan Latihan Industri	36
4.2.1.1	Analisis Min Dan Sisihan Piawai	37
4.2.1.2	Analisis Perbezaan Keperluan Penempatan Latihan Industri Terhadap Jantina	39
4.2.1.3	Analisis Perbezaan Keperluan Penempatan Latihan Industri Terhadap Bidang Akademik	41
4.2.1.4	Analisis Perbezaan Keperluan Penempatan Latihan Industri Terhadap Pengalaman Latihan Industri	43

4.2.2	Analisa Perkaitan Di Antara Keperluan Dan Impak Penempatan Latihan Industri	45
4.2.3	Pengendalian Penempatan Latihan Industri	48
4.2.3.1	Analisis Data Bagi Corak Pengendalian Penempatan Latihan Industri	48
4.2.4	Bentuk Dan Jangkamasa Penempatan Latihan Industri	50
4.2.4.1	Analisis Data Bagi Bentuk Dan Jangkamasa Penempatan Latihan Industri	50
4.3	Analisis Bahagian C	52
4.3.1	Analisis Pendapat Tentang Keperluan Latihan Industri	52

## **BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	54
5.1	Kesimpulan	54
5.2	Cadangan	56
5.2.1	KUiTTHO	56
5.2.2	Pelajar	57
	<b>SENARAI DOKUMEN RUJUKAN</b>	<b>58</b>
	<b>LAMPIRAN A - B</b>	<b>62</b>

## SENARAI RAJAH

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.1.1	Peratus responden mengikut jantina	32
4.1.2	Peratus responden mengikut bidang akademik	33
4.1.3	Peratus responden mengikut pengalaman latihan industri	34
4.3.1	Peratus pendapat responden mengenai keperluan penempatan latihan industri	53

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Sampel kajian	25
3.2	Skala Likert yang digunakan dalam borang soal selidik	27
3.4.1	Pembahagian keputusan setuju dan tidak setuju	28
3.4.2	Ukuran tahap kecenderungan	29
4.1.1	Taburan responden mengikut jantina	31
4.1.2	Taburan responden mengikut bidang	33
4.1.3	Taburan responden mengikut pengalaman latihan industri	34
4.2a	Skala dan keputusan analisis	35
4.2b	Jadual tahap kecenderungan	36
4.2.1.1(a)	Analisis min dan sisihan piawai bagi jantina, bidang akademik dan pengalaman latihan industri	37
4.2.1.1(b)	Min keseluruhan skor responden	38
4.2.1.2(a)	Analisis perbezaan keperluan penempatan latihan industri terhadap jantina	39
4.2.1.2(b)	Kesimpulan analisis perbezaan antara jantina bagi item keperluan penempatan latihan industri	40
4.2.1.3(a)	Analisis perbezaan keperluan latihan industri terhadap bidang akademik	41
4.2.1.3(b)	Kesimpulan analisis perbezaan antara bidang akademik bagi item keperluan latihan industri	41

4.2.1.4(a)	Analisis perbezaan keperluan penempatan latihan industri terhadap pengalaman latihan industri	43
4.2.1.4(b)	Kesimpulan analisis perbezaan antara ada dan tiada pengalaman latihan industri bagi item keperluan latihan industri	43
4.2.2(a)	Klasifikasi kekuatan korelasi	45
4.2.2(b)	Perkaitan antara keperluan dan impak	46
4.2.2(c)	Perkaitan antara keperluan dan kemahiran pelajar	46
4.2.2(d)	Perkaitan antara keperluan dan nilai / etika (sikap) pelajar	47
4.2.3.1	Taburan analisis data bagi corak pengendalian penempatan latihan industri	48
4.2.4.1	Taburan analisis data bagi bentuk dan jangkamasa penempatan latihan industri mengikut pandangan responden	50
4.3.1	Taburan peratus pendapat responden mengenai keperluan latihan industri	52



**SENARAI SINGKATAN**

df	-	Degree of Freedom
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
IT	-	Information Teknologi
KBSM	-	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KLSM	-	Kurikulum Lama Sekolah Menengah
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
ms	-	Mean Square
S	-	Setuju
SPSS	-	Statistical Package For Social Sciences
SS	-	Sangat Setuju
ss	-	Sum of Squares
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
TS	-	Tidak Setuju

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang soal selidik	62
B	Hasil dapatan SPSS	69

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Malaysia dalam menuju matlamat wawasan 2020 adalah untuk menjadi sebuah negara perindustrian yang maju . Dalam usaha ini, keperluan tenaga mahir amat diperlukan bagi menampung kehendak industri. Institut-institut latihan kemahiran tumbuh bagaikan cendawan bagi melahirkan rakyat yang berkemahiran dari pelbagai aspek.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan berbagai-bagai institusi untuk menyediakan kemahiran kepada para pelajar. Semua sistem pendidikan dan vokasional telah dipertingkatkan bagi melahirkan lebih ramai tenaga manusia yang terlatih. Sehubungan dengan itu, beberapa program telah diatur dan dilaksanakan dari masa ke semasa untuk menampung permintaan pasaran, antaranya ialah latihan industri.

Latihan industri adalah salah satu usaha bagi melahirkan warganegara yang berkemahiran dari pelbagai segi, yang mana ia bertujuan bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang dunia pekerjaan yang sebenar. Manakala, matlamat sebenar latihan industri ini adalah merangkumi pelbagai aspek yang penting, namun yang jelasnya, latihan industri adalah bermatlamat untuk melahirkan individu yang berkemahiran dalam segala hal bagi meningkatkan kualiti dan keprofesionalisme individu itu sendiri untuk keperluan sejagat.

Latihan industri penting buat ahli akademik agar mereka memahami lebih mendalam tentang penggunaan segala teori yang disampaikan kepada pelajar. Kaedah dan kandungan pengajaran perlu diseimbangkan untuk memastikan aspek teori dan penggunaan boleh dimanfaatkan seoptimum mungkin oleh para pelajar. Dengan itu, pengajaran menjadi lebih mantap. Hasilnya para pelajar akan dilengkapi dengan pengetahuan dan kebolehan yang relevan dan memadai sebelum mereka mencecah kaki ke alam pekerjaan terutamanya di industri. bersaing dalam apa jua bidang yang diceburi.

Latihan industri mempunyai beberapa komponen utama termasuk pelajar, institusi dan juga industri. Industri memainkan peranan penting dalam memberikan peluang kepada pelajar untuk mengenalpasti keadaan di industri untuk dipraktikkan nanti. Manakala, pihak institusi pula terlibat dengan perancangan yang teliti bagi memenuhi kehendak objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. Pelajar bertanggungjawab untuk menjalani latihan dengan cemerlang.

## 1.1 Latar Belakang Masalah

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn adalah sebuah institut pengajian tinggi yang memenuhi keperluan tenaga pengajar khususnya pensyarah bagi politeknik-politeknik di Malaysia. Ia merupakan salah sebuah institusi yang mengeluarkan kategori siswazah kejuruteraan separa professional bertaraf pengajar yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- a) Mempunyai daya pemikiran yang boleh membuat kesimpulan yang logik berdasarkan idea, fakta dan bukti yang berkaitan.
- b) Mempunyai kesedaran terhadap perkembangan teknologi baru di dalam bidang yang berkaitan.
- c) Mempunyai kemahiran dalam kerja-kerja dan pengendalian bengkel dan makmal.
- d) Mempunyai pengetahuan pedagogi dan kemahiran mengajar.
- e) Mempunyai rasa tanggungjawab dan dedikasi yang tinggi terhadap masyarakat dan negara.

Namun apakah kriteria-kriteria ini mampu mencapai tahap yang lebih maksimum dan berkualiti seperti yang dikehendaki pada masa kini iaitu untuk melahirkan para pensyarah yang professional dan berkualiti daripada pelbagai segi tanpa menjalani latihan industri.

Menurut satu jurnal yang dikemukakan oleh Donelan dan Reed (1992), menyatakan latihan pensyarah telah dikritik kerana graduannya yang hanya menjalani latihan pensyarah tidak dapat menguasai kemahiran berkomunikasi dengan baik serta tidak berfikiran luas dan sukar dalam membuat keputusan yang bernas. Sedangkan mereka yang menjalani latihan industri berpandukan objektifnya mendapat asas professional dalam kemahiran asas, kemahiran berkomunikasi, pendedahan teknologi baru, penghayatan etika profesion, membina dan meningkatkan daya kreativiti dan dapat menjalani hubungan dengan ahli professional di luar kampus sambil dapat menimba pengalaman.

Pengkaji telah membuat satu kajian awal secara temubual rawak yang mana hasil daripada kajian awal tersebut menimbulkan beberapa permasalahan dalam program latihan pensyarah politeknik di KUiTTTHO. Antara permasalahan tersebut ialah ,

a) Isu 1

Hasil daripada kajian awal menunjukkan graduan kurang menghayati nilai-nilai dan budaya kerja yang sihat. Di sini dapat disimpulkan bahawa graduan yang dihasilkan adalah

- i. Kurang penghayatan terhadap kerjaya.
- ii. Tahap kemahiran yang dimiliki adalah kurang memuaskan.
- iii. Graduan kurang kemahiran berinteraksi sesama rakan sejawat dan majikan.
- iv. Sikap kerjasama yang kurang dititikberatkan.
- v. Jenis-jenis kemahiran pekerjaan yang perlu dikuasai tetapi, kurang Penguasaannya.

b) Isu 2

Hasil daripada kajian secara rawak juga menimbulkan satu lagi permasalahan iaitu graduan tiada pengalaman industri. Jelasnya di sini, seseorang graduan yang belum pernah memiliki pengalaman industri memberikan kesan mendalam dari segi kesedaran perkembangan tentang isu-isu semasa di industri atau di tempat kerja.

Oleh yang demikian pengkaji berhasrat untuk membuat tinjauan tentang perlunya latihan industri dalam program latihan pensyarah politeknik di KUiTTTHO.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sama ada program latihan industri perlu diwujudkan dalam program Latihan Pensyarah Politeknik di KUiTTTHO.

## 1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan daripada objektif , maka tumpuan kajian adalah untuk mencari jawapan bagi soalan-soalan berikut;

- a) Adakah wujud perbezaan aras pandangan pelajar tentang keperluan latihan industri, antara ;
  - i. Jantina,
  - ii. Bidang akademik dan
  - iii. Pengalaman latihan industri ?
  
- b) Apakah terdapat korelasi antara keperluan latihan industri terhadap ;
  - i. Impak diri,
  - ii. Kemahiran dan
  - iii. Nilai / sikap (etika) pelajar?
  
- c) Bagaimanakah program latihan industri tersebut patut dikendalikan dalam program Sarjana Pendidikan (Teknikal) di KUiTTTHO?

- d) Apakah ;
  - i) bentuk program penempatan latihan industri yang sesuai untuk program Sarjana Pendidikan (Teknikal) di KUiTTTHO?
  - ii) jangka masa program penempatan latihan industri yang sesuai untuk program Sarjana Pendidikan (Teknikal) di KUiTTTHO?

#### 1.4 Objektif Kajian

Berasaskan daripada pernyataan masalah , maka objektif spesifik bagi kajian ini ialah untuk;

- a) Membandingkan aras pandangan pelajar tentang keperluan penempatan latihan industri antara jantina, bidang akademik dan pengalaman latihan industri terhadap penempatan industri.
- b) Menentukan korelasi antara keperluan penempatan latihan industri dengan impak diri, kemahiran dan nilai atau sikap pelajar.
- c) Mengenalpasti bagaimana program Latihan Industri tersebut patut di kendalikan dalam program Sarjana Pendidikan (Teknikal)di KUiTTTHO.
- d) Mengenalpasti apakah bentuk dan jangka masa program Latihan Industri yang sesuai untuk program Sarjana Pendidikan (Teknikal) di KUiTTTHO.